

Syubhah dalam Premis Makanan: Peranan Pensijilan Halal sebagai Kaedah Penyelesaian

BITARA

Volume 5, Issue 2, 2022: 66-80
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 2 Mei 2022
Accepted: 25 Mei 2022
Published: 30 Jun 2022

[Syubhah in Food Premises: The Role of Halal Certification as The Solution]

Muhammad Jafni Fakhrillah Jabidi¹

1 Pusat Penyelidikan Halalan Toyyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347 Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, BRUNEI DARUSSALAM. E-mail: fakhrillah@hotmail.com

* Corresponding Author: fakhrillah@hotmail.com

Abstrak

Dalam menentukan syubhah dalam premis pemakanan, persepsi orang yang tidak mengetahui garis panduan tertentu, ditakuti menyebabkannya terjerumus dalam perkara haram. Adapun garis panduan yang menerangkan prinsip-prinsip penentuan syubhah boleh dikongsi kepada orang ramai kerana pada penghujungnya, orang ramai juga yang bertanggungjawab atas makanan yang dimakan oleh mereka sendiri. Dengan undang-undang bertulis di Negara Brunei Darussalam, maka garis panduan pensijilan halal telah dikemaskinikan dan sijil halal sudah diberikan kepada premis-premis makanan yang lulus diperiksa oleh juruaudit. Akan tetapi, kebanyakan dari premis-premis tersebut adalah pemilikan bukan Islam malah terdapat tukang masak dari premis-premis tersebut bukan beragama Islam. Kajian ini dibuat juga adalah untuk mengkaji persepsi masyarakat terhadap Pensijilan Halal di Negara Brunei Darussalam. Skop kajian ini akan lebih tertumpu kepada huraian-huraian Syubhah dalam ruang lingkup Mazhab Syafi'e. Namun, ada sebahagian pendapat-pendapat ulama dari mazhab yang lain difikirkan perlu akan diserapkan dalam kajian ini. Kajian ini akan menumpukan kepada masyarakat dan institusi yang mengurus-setia pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam iaitu, Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dari segi undang-undang pula, kajian ini menumpukan kepada undang-undang pensijilan halal yang ada di Negara Brunei Darussalam.

Kata kunci: Syubhah, Premis Makanan, Sijil Halal, Undang-Undang Halal, Fatwa Mufti.

Abstract

In the matter of determining syubhah in the food premises, the perception of people who do not know the specific guidelines is feared to cause them to fall into unlawful things. The guidelines that explain the principles to determine syubhah shall be shared with the public because, in the end it is the public's responsibility for their own food consumption. With the provisions in the written law in Brunei Darussalam, the halal certification guidelines have been updated accordingly, and halal certificates are issued to food premises that have been qualified by the auditors' inspection. However, most of the premises are owned by non-Muslims, and even some of the cooks are also non-Muslims. This study was conducted to examine the public's perception of Halal Certification in Brunei Darussalam. The scope of this study will focus more on the descriptions of Syubhah within the scope of Mazhab Syafi'e. However, some of the opinions of scholars from the other sects are to be mentioned in this study if considered necessary. This research will also focus on the institution that manages the halal certification procedure in Brunei Darussalam, namely, the Halal Food Control Division, Department of Shariah Affairs, Ministry of Religious Affairs. From a legal perspective, this research only focuses on the halal law commenced in Brunei Darussalam.

Keywords: Syubhah, Food Premises, Halal Certificate, Halal Legislative, Fatwa

Cite This Article:

Muhammad Jafni Fakhriillah Jabidi. 2022. Syubhah dalam Premis Makanan: Peranan Pensijilan Halal sebagai Kaedah Penyelesaian [Syubhah in Food Premises: The Role of Halal Certification as The Solution]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 66-80.

Pengenalan

Syubhah adalah sesuatu yang tidak ditentukan hukumnya dalam al-Quran. Oleh itu dalam menentukan hukum syubhah, para mujtahid perlu merujuk kepada dalil-dalil dalam al-Quran. Sekiranya tidak terdapat dalam al-Quran, maka merujuk kepada hadith Rasulullah. Sekiranya tidak terdapat hadith yang menerangkannya, maka dirujuk kepada sumber yang berikutnya iaitu ijmak dan qiyas. (Dr. Saadan Man, Zainal Abidin Yahya, 2014) Dalam Al-Quran. Firman Allah Subhanahu Wa Taala:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ ١٦٨

“Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi...” [Surah Al-Baqarah: 168]

Dalam ayat yang lain pula, Allah berfirman:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنتُمْ لِيَاءَهُ تَعْبُدُونَ ١١٤

“Oleh itu, makanlah dari apa yang dikurniakan Allah kepadamu dari yang halal lagi baik...” [Surah An-Nahl: 114]

Garis panduan dalam memilih makanan ada disebutkan dalam al-Quran dan al-Hadith. Maka apa yang halal itu jelas dan yang haram itu juga jelas seperti mana disebutkan dalam al-Hadith:

عن النعمان بن بشير رضي الله عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم (الحلال بين وإن الحرام بين وبينهما أمور مشتبهة، فمن ترك ما شبه عليه من الإثم كان لما استبان اترك، زمن اجترأ على ما يشك فيه من الإثم أو شك أن يواقع ماستبان، والمعاصي حصى الله، ومن يرتع حول الحمى يوشك أن يواقع) رواه البخاري ومسلم

“Dari Abi Abdillah an-Nu'man bin Basyir r.a. berkata: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: (Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya perkara yang syubhah yang tidak diketahui kebanyakan dari manusia, maka sesiapa yang takut akan perkara syubhah, maka dia telah menjaga maruahnya dan agamanya, barangsiapa terjatuh ke dalam perkara syubhah yang terdapat perkara haram adalah seperti penggembala yang berada di kawasan yang terlarang dan hampir-hampir binatangnya memakan rumput di kawasan itu.) ” Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim (al-Bukhari, 2002) (Muslim, 2014)

Dalam hadith tersebut, Nabi s.a.w. telah menyebutkan bahawa terdapat satu perkara yang tidak dapat ditentukan oleh kebanyakan dari manusia iaitu perkara Syubhah.

Imam Nawawi menyebutkan ‘Perkara syubhah itu adalah sesuatu yang tidak jelas antara halal dan haram’(an-Nawawi, 1994). Oleh itu ia tidak diketahui oleh kebanyakan orang melainkan para ulama yang mengetahui hukumnya melalui dalil-dalil. Apabila suatu perkara itu terperangkap antara halal dan haram, sedangkan tiada nas ataupun ijma’ yang memberikan hukumnya, maka mujtahidlah yang perlu berijtihad dengan menyandarkan hukum kepada salah satu dalil syarak.

Imam al-Ghazali menerangkan mengenai syubhah itu dalam beberapa perbahasan. Pertama, adanya keraguan yang terdapat dalam sebab-sebab yang menghalalkan dan mengharamkan. Kedua, syubhah yang berupa keraguan yang disebabkan oleh timbulnya percampuran antara yang halal dengan yang haram, sehingga persoalannya menjadi sukar untuk dibezakan. Ketiga, barang halal yang berkaitan dengan maksiat. (al-Ghazali, 2005):

“Adapun syubhat adalah keadaan sesuatu yang belum jelas statusnya apakah sesuatu itu halal atau haram, sehingga jika seseorang menjumpai sesuatu yang tidak jelas kehalalan dan keharamannya, ia harus bersikap hati-hati, dan bentuk kehati-hatian seseorang dengan menghindarinya. Pengetahuan dan kemampuan dalam menentukan perkara halal, haram, dan syubhat menghantarkan pada kehidupan yang selamat dari keburukan dan kecelakaan, sehingga hidup menjadi tenang dan bahagia.” (Amir Mahmud, 2017)

Namun pada hari ini, menjadi keperluan untuk kita menyelidik dan mencari tahu bahan-bahan yang digunakan dalam menyediakan makanan kita seharian demi menjaga pemakanan yang halal dan baik. Akan tetapi kepakaran dalam menentukan sesuatu hukum itu bergantung kepada mereka yang mempunyai keahlian dan juga ilmu. Oleh yang demikian, panduan atau ijtihad yang mereka keluarkan perlu diketahui oleh orang ramai dalam usaha menjaga pemakanan pada hari ini.

Imam al-Haddad menasihatkan bahawa antara kesan memakan makanan yang halal itu ialah ia akan menimbulkan kegenteran dan kekhusyukan terhadap kebesaran Allah subhanahu wa taala dan dengan memakan makanan yang baik-baik itu juga akan membuatkan seluruh anggota badan menjadi cergas untuk beribadat dan melakukan perkara ketaatan serta zuhud terhadap dunia dan dan suka kepada hari-hari akhirat. (al-Haddad, 1999)

Definisi Syubhah

Syubhah berasal dari perkataan arab iaitu (شبهة) yang bermaksud kabur, samar, (Ibrahim Musthafa, 1972) kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram). (Hajah Noresah Bt. Bahrom, 2007)

Pengertian menurut syarak pula ialah apa yang samar-samar perkaranya yang tidak diketahui samada halal ia halal ataupun haram, samada benar ataupun salah. (Ibrahim Musthafa, 1972): “Makanan-makanan yang tidak diketahui status halal ataupun haramnya adalah makanan yang dikategorikan sebagai syubhah.” (Abdul Aziz bin Juned, 2007)

Antara huraian mengenai definisi Syubhah adalah “sesuatu yang tidak jelas antara halal dan haram, oleh itu ia tidak diketahui oleh orang kebanyakan, melainkan para ulama yang mengetahui hukumnya melalui nas, qiyas, istishab atau dalil-dalil lain. Apabila suatu perkara itu terperangkap antara halal dan haram, sedangkan tiada nas mahupun ijma’ yang merungkai hukumnya, maka mujtahid perlulah berijtihad dengan menyandarkan hukum kepada salah satu daripada dalil-dalil syarak” (Mohd Rofaizal Ibrahim, Muhammad Ismail Abdullah, 2017). Syubhah adalah perkara yang tidak diyakini akan halal dan haramnya (Abdul Qadir, 1964).

Syubhah dapat juga disamakan maksudnya dengan masbuh. Masbuh bermaksud disyaki, menimbulkan keraguan, atau boleh dipersoalkan. Asasnya, syubhah tidak mempunyai cirinya yang tersendiri. Justeru, syubhah berlaku apabila terdapat percampuran antara bahan makanan yang halal dengan yang haram dan makanan tersebut sukar dikenal pasti hukumnya (Siti Radhiah dan Shahrim, 2013).

Syubhah juga boleh terjadi jika sumber sesuatu makanan tertentu diragui asal usulnya, atau terdapat ketidakpastian mengenai kebenaran atau larangannya menurut hukum Islam, maka produk itu dianggap masbuh. Umat Islam yang sejati akan menjauhkan dirinya daripada memakan-makanan yang diragui kehalalannya (Persatuan Pengguna Pulau Pinang, 2006).

Maka apa yang dapat dirumuskan dari definisi yang telah diberikan di atas, syubhah merupakan perkara yang tidak jelas kedudukannya samada ia adalah halal ataupun haram dan kerana ketidakpastian kedudukan perkara tersebut adalah ditakuti sesiapa yang menghampirinya akan terjatuh kepada perkara yang haram.

Larangan Menghampiri Syubhah

Yang Berhormat Mufti Kerajaan Brunei, menyarankan agar kita jangan permudahkan tuntutan agama walaupun dengan jelas ada konsep toleransi dan kasih-sayang dalam Islam. Beliau seterusnya menyarankan bahawa konsep ini tidak wajar menjadi alasan sehingga tuntutan-tuntutan agama untuk memakan makanan yang halal dan baik itu dicuainya atau dipermudahkan. Beliau juga menyatakan mengenai kepentingan perkara tersebut kerana ia mempunyai hubungan yang rapat dengan amal ibadat. Oleh itu, ia tidak wajar dipandang ringan oleh mana-mana orang Islam (Abdul Aziz bin Juned, 2007). Menjauhkan diri dari perkara yang syubhah dan yang haram itu adalah merupakan sesuatu tuntutan yang sangat utama malahan ia adalah menjadi wajib (al-Haddad, 1999).

Sesuai dengan kepentingannya, syubhah telah dibahaskan dengan panjang lebar oleh para ulama. Atas sebab itu, haruslah ada pemahaman yang jelas dan teliti dalam membahaskan perkara ini (Abdul Aziz bin Juned, 2007).

Imam Yusuf al-Qaradawi ada menyebutkan prinsip-prinsip Islam dalam perihal halal dan haram antaranya iaitu berawas dengan perkara syubhah. Beliau dengan lanjut menyebutkan bahawa antara rahmat kasih sayang Allah subhanahu wa taala dengan manusia adalah sesungguhnya Allah Subhanahu wa Taala tidak membiarkan mereka berada dalam kesamaran daripada perkara yang halal dan juga perkara yang haram, bahkan menerangkan perkara yang halal itu dan memperincikan perkara yang haram. Adapun yang halal itu jelas maka tiada halangan daripada mendekatinya. Manakala yang haram itu juga jelas maka tiada keringanan

untuk menghampirinya dalam keadaan masih mempunyai pilihan yang lain. Di tempat antara yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas adalah tempat syubhah yang terkeliru padanya perkara yang halal dengan yang haram ke atas sebahagian manusia samada keliru kerana petunjuk ke atasnya, dan juga kekeliruan pada pemakaian nas-nas ke atas kejadian ataupun zat benda itu sendiri. Islam telah menyarankan bagi seseorang Islam itu berwara' dengan menjauhi benda-benda syubhah agar tidak terjatuh ke dalamnya sehingga terheret kepada perkara yang haram. Ia adalah salah satu jenis daripada *sad al-dzaraie'* (سد الذرائع). Begitulah warna-warni dari pendidikan yang berpandangan jauh, yang mengkhabarkan dengan hakikat kehidupan dan manusia (al-Qardhawi, 2012).

Kerajaan Brunei dalam langkah-langkah memastikan kehalalan makanan yang di makan oleh masyarakat Islam sentiasa dipelihara dari masa ke semasa. Beberapa pendekatan telah pun dijalankan dalam memberikan kepentingan memakan makanan yang halal dan baik. Selain itu, beberapa undang-undang telah pun digubal bagi memenuhi tanggungjawab untuk mengawal pemakanan di negara ini seperti Akta Daging Halal, Penggal 183 dan juga Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Syubhah dalam Premis Makanan

Premis dalam kamus dewan bermaksud bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan (Hajah Noresah Bt. Bahrom, 2007). Oleh itu premis makanan adalah bangunan dan kawasan tempat diuruskan perniagaan yang menyediakan makanan yang dimakan oleh orang ramai. Ini termasuk restoran, kafe, medan selera (*food court*) dan juga dapur pusat (*Central Kitchen*).

Maka syubhah menurut huraian yang diberikan oleh ulama boleh terjadi dalam premis makanan. Fatwa Allahyarham Pehin Mufti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr haji Ismail bin Omar Abdul Aziz Bil: 14 dalam MKB/9/179 (37/MU/JUB/11/1981) bertarikh 14 September 1982 bersamaan dengan 25 Zulkaedah 1402 antara lain menyebutkan seperti berikut:

1. Bahawa restoran atau kedai makan yang pemilik dan pengurusnya adalah orang Islam, sedangkan tukang masaknya bukan beragama Islam adalah dianggap sebagai masakan bukan orang Islam dan masakan bukan orang Islam adalah syubhah kerana orang bukan Islam tidak mengetahui halal haram dan tidak mengetahui suci dan najis.
2. Restoran atau kedai makan bukan orang Islam, pemilik atau pengurusnya bukan orang Islam, dan tukang masaknya beragama Islam, boleh jadi di samping tukang masak yang beragama Islam, ada tukang masak yang bukan beragama Islam, dan pelayannya bukan beragama Islam. Maka keadaan seumpama ini adalah meragukan. Kerana percampuran peralatan, tempat masak dan sebagainya. Jika sekiranya tukang masak dan pelayan adalah beragama Islam, akan tetapi mereka berada di bawah kuasa dan arahan pengurus yang bukan beragama Islam sudah tentu tidak mengetahui suci dan najis dan juga halal dan haram. Maka restoran dan kedai makan yang seperti ini dimasukkan di bawah erti kata restoran dan kedai makan yang dilarang orang Islam makan di situ atau kedai makan bagi orang yang bukan untuk orang Islam ialah faedah dan kepentingan orang

Islam iaitu wajib menahan orang-orang Islam dari syubhah dan makan minum akan benda yang haram.

Ini juga ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan di dalam Isu-Isu Produk Halal apabila ditanyakan mengenai pemasangan Tanda “Bukan Tempat Makan Minum Orang Islam” di syarikat/restoran/kedai makan di mana pemilik terbanyak sahamnya dipunyai oleh orang Islam.

Dalam jawapan Yang Berhormat Mufti Kerajaan menerangkan bahawa pemilikan orang-orang Islam terhadap restoran atau kedai makan yang jika ditinjau dari segi pemilikan sahaja tidak menjamin kehalalan makanan yang dihidang atau disediakan itu. Hakikatnya kehalalan makanan itu berdasarkan kepada bahan makanan dihidang itu sendiri. Sebagai contoh, jika yang dihidang sate daging maka wajiblah daging itu berasal dari binatang halal yang disembelih menurut hukum syarak. Kemudian adakah ia dicampur dengan bahan-bahan yang syubhah? Jika ia jelas berasal dari sumber yang halal, tidak bercampur dengan yang syubhah atau najis maka makanan yang dihidang itu adalah halal. Akan tetapi jika ia meragukan dan apalagi diyakini berasal dari sumber yang tidak halal atau bercampur dengan yang syubhah atau najis maka makanan yang dihidang iaitu adalah haram. Jika pemilik dan pengurus sepenuhnya orang Islam kita disuruh untuk bersangka baik kecuali jelas ada bukti-bukti lain yang makanan dan minuman itu tidak halal atau syubhah. Manakala jika pemilikan dan pengurusan itu dikongsi sama oleh orang Islam dan orang bukan Islam, maka makanan yang dihidang itu boleh membawa kepada syubhah atau haram kerana timbul kesamaran akibat percampuran dalam perkongsian itu. Memandangkan keduanya mempunyai kuasa dan pengaruh yang sama ke atasnya. Oleh itu, ia hendaklah dilihat secara kes demi kes dengan menyediakan garis panduan berdasarkan syarat-syarat mengikut hukum syarak (Abdul Aziz bin Juned, 2007).

Pensijilan Halal Menurut Undang-undang

Undang-undang yang berkenaan dengan persijilan halal di Negara Brunei Darussalam ialah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dan Akta Daging Halal, Penggal 183. Kelulusan sesuatu permohonan itu diberikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei yang diurusetia oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam (selepas ini disebut sebagai “Bahagian Kawalan Makanan Halal”).

Walaupun persijilan halal diurusetia oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, akan tetapi permohonan sijil halal tersebut adalah dari peruntukan yang berlainan dan melalui prosedur yang berlainan.

Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005

Perintah ini diwartakan pada 28hb Mei 2005 dan dikuatkuasakan pada 31hb Julai 2008. Menurut bab 1 (2) Gelaran Panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk mengadakan

peruntukan bagi dan mengawal selia pengeluaran sijil dan permit berkaitan dengan makanan halal dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya”

Gelaran Panjang Perintah ini kemudiannya dipinda kepada “Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia pengeluaran Sijil Halal dan permit berkaitan dengan produk halal dan perkhidmatan dan bagi perkara-perkara yang berhubung atau bersampingan dengannya.”

Bahawa Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 ini telah dipinda beberapa kali iaitu pada 2008, 2012, dan juga 2017. Namun Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017, perubahan utama telah berlaku kepada beberapa aspek termasuk seperti berikut:

1. Sebagai pengukuhan kepada Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 yang mana ia membolehkan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama atau agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap premis yang telah diberikan Sijil Halal.
2. Sebagai peningkatan pengawalan kehalalan makanan bagi premis perniagaan.
3. Bagi memastikan makanan dan juga produk yang dijual itu sekaligus perkhidmatan tertentu adalah terjamin kehalalannya.
4. Bagi memberikan keyakinan kepada masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam pemilihan makanan yang tidak diragui kehalalannya (BKMH, 2017).

Dasar pindaan di dalam Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017, ialah:

1. Ia mewajibkan Permohonan Sijil Halal dan Permit Halal ke atas pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam.
2. Skop pensijilan halal diperluaskan termasuk produk perubatan, kosmetik, barang gunaan dan juga perkhidmatan.
3. Ia memperkenalkan dan menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.

Tafsiran Sijil Halal dalam Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, bermakna Sijil Halal yang dikeluarkan di bawah cerai (1) bab 6:

6. (1) Majlis boleh, setelah menimbang dengan sewajarnya laporan Jawatankuasa yang disebut dalam bab 24 dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi sebarang kehendak yang disebut dalam cerai (1) bab 4 dan setelah bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Keempat dibayar, mengeluarkan suatu Sijil Halal dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada pemohon tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

Majlis yang dimaksudkan dalam bab yang disebutkan di atas ialah, Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggali 77):

5. Hendaklah ditubuhkan sebuah Majlis Ugama Islam yang dipanggil dalam bahasa Inggeris “The Religious Council”.

Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 menghuraikan mengenai Sijil Halal dalam satu bahagian khusus. Sepertimana yang diperuntukkan dalam bab 3, Perintah tersebut, adapun Sijil yang dipamerkan di mana-mana tempat perniagaan bermakna:

3. Apabila dipamerkan di mana-mana tempat perniagaan, sijil hendaklah bermakna bahawa makanan yang berkenaan dengannya sijil itu merujuk:
 - (a) bukan merupakan dan juga tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan dari binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut Hukum Syarak;
 - (b) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap najis menurut Hukum Syarak;
 - (c) telah disediakan dengan menggunakan suatu alatan yang bebas apa-apa jua yang dianggap najis menurut Hukum Syarak;
 - (d) semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal mematuhi perenggan (a), (b) atau (c) dan apa-apa jua yang dianggap najis menurut Hukum Syarak.

Bab 3 Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 tersebut dipinda kepada Bab 4 Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017:

4. Bab 3 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut:

Sijil Halal

3. Apabila dipamerkan di mana-mana tempat perniagaan, sijil itu hendaklah bermakna seperti yang berikut:
 - (a) dalam hal makanan, makanan yang berkenaan dengannya sijil itu merujuk:
 - i. bukan merupakan atau tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut Hukum Syarak;
 - ii. tidak mengandungi mana-mana bahagian badan manusia atau derivatifnya;

- iii. tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syarak;
- iv. telah disediakan dengan menggunakan suatu alatan yang bebas daripada apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syarak;
- v. tidak memudaratkan kesihatan dan sesuai dimakan oleh manusia; dan
- vi. semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal mematuhi perenggan kecil (i), (ii), (iii), (iv) atau (v) dan apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syarak; (b) dalam hal perkhidmatan, pengangkutan, penyimpanan atau pembungkusan yang berkaitannya perkhidmatan itu diberikan tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syarak.”

Definisi tersebut turut digunakan dalam Garis Panduan Bagi Pensijilan Halal bagi Sijil Halal dan Label Halal Brunei Darussalam (MUIB, 2007).

Permohonan Sijil Halal

Mana-mana orang yang memiliki perniagaan hendaklah memohon sijil halal dengan membuat permohonan kepada Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ia adalah mandatori bagi pemilik perniagaan yang berkenaan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam. Permohonan Sijil Halal dikhususkan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan termasuk Restoran / Kafe; Medan Selera (*'Food Court'*); Dapur Pusat (*'Central Kitchen'*) (KHEU, t.t).

Tempoh masa yang diberikan kepada Pemilik perniagaan yang diwajibkan ke atasnya untuk memohon sijil halal ialah selama 6 bulan setelah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 dikuatkuasakan. Dan jika perniagaan tersebut bermula selepas Perintah Sijil Halal dan Label Halal dikuatkuasakan, maka Pemilik perniagaan tersebut hendaklah menghadapkan permohonan dalam tempoh 6 bulan selepas perniagaan itu bermula.

Pemilik hendaklah memastikan tempat perniagaan itu mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang Penyelia Halal yang telah diperakui oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bab 4 (1) Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005-

4 (1) Bagi maksud-maksud bab 3, mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan boleh memohon kepada Majlis bagi mendapatkan suatu sijil dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

Bab 4 Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 tersebut dipinda kepada Bab 5 Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan) 2017 -

5. Bab 4 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut -

"Sijil Halal bagi penyediaan makanan

4. (1) Bagi maksud-maksud bab 3, mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan menyediakan makanan untuk dimakan oleh manusia di suatu tempat selain daripada kemudahan pemprosesan produk hendaklah memohon kepada Majlis bagi suatu sijil dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

- (2) Pemohon adalah dikehendaki membuat satu permohonan bagi -
 - (a) setiap jenis perniagaan;
 - (b) setiap tempat perniagaan berkaitan dengan sebarang perniagaan yang mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan.
- (3) Bagi maksud cerai (1), permohonan hendaklah dibuat -
 - (a) dalam hal suatu perniagaan yang telah beroperasi sejak sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini, dalam tempoh 6 bulan dari permulaan kuat kuasa Perintah ini;
 - (b) dalam hal suatu perniagaan yang beroperasi pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ia mula beroperasi.
- (4) Bagi mengelakkan keraguan, kehendak permohonan yang akan dibuat dalam tempoh 6 bulan sebagaimana yang disebutkan dalam cerai (3) tidak termasuk kehendak bahawa pemohon hendaklah memiliki suatu sijil dalam tempoh itu.
- (5) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan."

Dalam bab 4 (5) Perintah Sijil Halal dan Label Halal (pindaan) 2017 jelas menyebutkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi siapa yang memiliki suatu perniagaan menyediakan makanan untuk dimakan oleh manusia di suatu tempat selain daripada kemudahan pemprosesan produk tidak memohon Sijil Halal yang mana boleh dikenakan denda tidak melebihi \$8,000 ringgit, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Akta Daging Halal, Penggal 183.

Akta Daging Halal, Penggal 183 diwartakan pada 26 September 1998 dengan gelaran Perintah Darurat (Daging Halal), 1998. Ia mula dikuatkuasakan pada 1 Muharam 1420H bersamaan dengan 17 April 1999M.

Ia dikuatkuasakan bersama dengan aturan-aturan digelar sebagai Aturan-Aturan Daging Halal, 1999 yang ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan, berdasarkan peruntukan bab 16:

16. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan yang menetapkan—
 - (a) borang Permit Import Halal;
 - (b) borang-borang sijil dan tanda Halal;
 - (c) prosedur bagi kehendak-kehendak di bawah bab-bab 4 dan 5;
 - (d) prosedur bagi memusnahkan daging yang diimport secara haram;
 - (e) bayaran;
 - (f) apa-apa jua yang dikehendaki atau sesuai untuk ditetapkan oleh Perintah ini.

Akta Daging Halal, Penggal 183 dipinda sekali oleh Perintah Akta Daging Halal (pindaan) 2010. Namun Aturan-Aturan Daging Halal telah melalui dua kali pindaan iaitu pada 2008 dan 2016.

Akta Daging Halal, Penggal 183 ini lebih tertumpu kepada perkara penyembelihan, pembekalan, pengimportan dan juga pengedaran daging-daging mentah yang dibuat dalam negeri dan juga malahan di luar negeri. Walau bagaimanapun, daging-daging tersebut juga digunakan bagi penyediaan makanan di premis makanan. Oleh itu, ia juga mempunyai peranan dalam penentuan kehalalan makanan yang disediakan oleh premis makanan di negara ini.

Menurut tafsiran bab 2 Akta Daging Halal, Penggal 183, Sijil adalah bermakna Sijil Halal yang dikeluarkan oleh Majlis, atau Sijil Penyembelihan berhubung dengan binatang yang dikeluarkan oleh Pengarah Hal Ehwal Syarakiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tafsiran mengenai Tanda Halal pula menurut bab yang sama adalah termasuk sebarang lembaran kertas, kad atau bahan lain, di mana perkataan "Halal" telah ditulis, dicetak, distensil, ditanda, dicat, dicap atau ditera yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Majlis, dan ditanda atau dicap pada daging tersebut dan setiap bahagiannya atau ditampal pada kontena, bungkusan atau tempat menyimpannya untuk memberi makna bahawa daging tersebut sesuai untuk dimakan oleh orang Islam.

Bab 2, Akta Daging Halal, Penggal 183 juga memberikan tafsiran daging halal bermakna daging yang sesuai untuk dimakan oleh orang Islam menurut hukum syarak, sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;

Bab 5 (1) Akta Daging Halal, Penggal 183, menghendaki daging halal tempatan hanya akan dibekalkan kepada orang ramai oleh seseorang yang memegang lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.

5 (1) Daging halal tempatan hendaklah hanya dibekalkan kepada orang ramai oleh seseorang yang memegang lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga.

Bab 5 (2) Akta Daging Halal, Penggal 183, seterusnya memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menyembelih binatang-binatang untuk dimakan oleh orang ramai mestilah orang Islam yang memegang Sijil Penyembelihan.

5 (2) mana-mana orang yang menyembelih binatang-binatang untuk dimakan oleh orang ramai mestilah orang Islam yang memegang Sijil Penyembelihan.

Seterusnya, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memeriksa penyembelihan binatang-binatang dan memuaskan hatinya bahawa penyembelihan itu dijalankan menurut hukum syarak, dan hendaklah, setelah ia berpuas hati, mengemukakan laporannya kepada Majlis dan jika Majlis berpuas hati selepas menimbangkan laporan itu, Majlis hendaklah mengeluarkan Sijil Halal berkaitan dengan daging tersebut sepertimana yang diperuntukkan dalam bab 5 (3) Akta Daging Halal, Penggal 183.

5 (3) Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah memeriksa penyembelihan binatang-binatang dan memuaskan hatinya bahawa penyembelihan itu dijalankan menurut hukum syarak, dan hendaklah, setelah ia berpuas hati, mengemukakan laporannya kepada Majlis dan jika Majlis berpuas hati selepas menimbangkan laporan itu, Majlis hendaklah mengeluarkan Sijil Halal berkaitan dengan daging tersebut.

Setelah Sijil Halal dikeluarkan, tanda halal hendaklah dipamerkan pada daging tersebut oleh pembekal, tanda halal itu hendaklah terus dipamerkan semasa daging tersebut dijual. Kewajipan ini diperuntukkan di bawah bab 5 (4) Akta Daging Halal, Penggal 183.

5 (4) Apabila Sijil Halal dikeluarkan berkaitan dengan mana-mana daging, tanda halal hendaklah dipamerkan pada daging tersebut oleh pembekal, tanda itu hendaklah terus dipamerkan semasa daging tersebut dijual.

Bahawa adalah menjadi kesalahan di bawah bab 10 Akta Daging Halal, Penggal 183, bagi sesiapa yang melanggar peruntukan-peruntukan bab 5 cerai (1) iaitu membekal daging tempatan tanpa lesen, cerai (2) iaitu menyembelih binatang-binatang untuk dimakan oleh orang ramai tanpa Sijil Penyembelihan atau cerai (4) iaitu kegagalan untuk mempamerkan tanda halal pada daging-daging. Kesalahan-kesalahan tersebut jika disabitkan boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi dari satu (1) tahun, suatu denda yang tidak melebihi dari \$4,000 atau kedua-duanya sekali. Dalam hal kesalahan kedua atau berikutnya hukuman penjara

tidak melebihi dari dua (2) tahun atau suatu denda yang tidak melebihi dari \$8,000, dan Mahkamah hendaklah membatalkan lesen, jika ada, pesalah itu.

Kesimpulan

Keperluan dan kepentingan dalam menjaga pemakanan yang halal dan baik itu jelas disebutkan dan dituntut dalam al-Quran dan as-Sunnah. Cabaran yang dihadapi oleh orang-orang Islam pada hari ini adalah dalam pemilihan makanan untuk memenuhi tuntutan syarak ialah percampuran yang tidak diketahui yang mengakibatkan pemilihan makanan yang syubhah atau haram. Ini tidak dinafikan terjadi di premis makanan yang semakin bertambah dan berkembang di mana-mana tempat. Negara Brunei Darussalam dalam usaha menjaga pemakanan rakyatnya terutama di premis makanan dipandu dengan hukum syarak sebagai rujukan utama bagi orang-orang Islam. Ia dimantapkan lagi dengan undang-undang yang digubal oleh kerajaan, termasuk Pensijilan Halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei yang semestinya mempunyai peranan yang penting dalam pemilihan makanan terutama pemilihan makanan yang disediakan oleh premis makanan di negara ini. Oleh itu, dengan kajian ini dan metode yang dipilih untuk mendapat hasil dapatan pada penghujungnya diharap akan menjadi nilai tambah pada masyarakat di Negara Brunei Darussalam dari segi pengetahuan secara am dan pemeliharaan maslahat orang-orang Islam secara khas.

Rujukan

- Abd Aziz Juned, (1999M). Papan Tanda 'Bukan Tempat Makan Minum Orang Islam'. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan. http://www.bruneiresources.com/pdf/alhadaf_jan_1999.pdf
- Abdul Aziz Juned, (2007) *Fatwa Mufti Kerajaan: Isu-isu Produk Halal*. Bandar Seri Begawan; Jabatan Mufti Kerajaan.
- Abdul Qadir Abdul Muttalib. (1378H). *Penawar bagi hati*. Pattani: Mathba'ah bin Halabi.
- Akta Daging Halal, 2005
- Amir Mahmud, (2017M). *Kajian Hadis tentang Halal, Haram dan Syubhat*. Universiti Yudharta Pasuruan; Jawa Timur https://www.researchgate.net/publication/322597772_Kajian_Hadis_tentang_Halal_Haram_dan_Syubhat
- Azman Ab Rahman, (2007). Panduan Penentuan Makanan Halal Menurut Pandangan Ulama serta Kesannya Terhadap Industri Kecil Sederhana Muslim di Malaysia. Malaysia: Kolej Universiti Islam Malaysia. <http://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja%20iCEPs/Panduan%20Penentuan%20Makanan%20Halal%20Menurut%20Pandangan%20Ulama.pdf>
- Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. (2017) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, Pindaan 2017. [Brochure]
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, (2002). *Sahih al-Bukhari* (Cetakan Pertama). Beirut; Dar Ibn Katsir.

- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, (2005). *Ihya Ulumuddin* (Cetakan Pertama). Lebanon; Dar Ibn Hazam.
- al-Haddad, Abdullah alwi. (1999) *An-Nasaih ad-Diniyyah wa al-Wasaya al-Imaniyyah* (Cetakan ke 3). Beirut; Dar al-Hawi.
- Ibn Battal, Ali bin Khalf, (2003). *Sharh Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibrahim Musthafa, (1972) *Mu'jam Al-Wasith*, (Cetakan Pertama). Mesir: Al-Maktabah Al-Islamiyyah.
- Kementerian Hal Ehwal Ugama, (t.th.) *Permohonan Sijil Halal dan Permit Halal*, <http://www.kheu.gov.bn/SitePages/Permohonan%20Sijil%20Halal%20dan%20Permit%20Halal.aspx>
- Ketua Editor, Hajah Noresah bt. Baharom. (2007). *Kamus Dewan* (edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Majlis Ugama Islam Negara Brunei Darussalam. (2007). *Garis Panduan Bagi Pensijilan Halal*, BCG Halal 1, Edisi Pertama.
- Mohammad Aizat Jamaluddin dan Mohd Anuar Ramli, Suhaimi Ab Rahman, (2011M). *Panduan Makanan Halal Haram Menurut Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Isu-Isu Makanan Semasa*. Malaysia: Universiti Putra Malaysia. <https://docplayer.net/30085563-Panduan-penentuan-makanan-halal-menurut-pandangan-ulama-serta-kesannya-terhadap-iks-muslim-di-malaysia.html>
- Mohd Rofizal Ibrahim dan Muhamad Ismail Abdullah, (2018). *Kaedah Penentuan Syubhah Menurut Pandangan Imam al-Ghazali*. Malaysia: Muzakarah Fiqh & Seminar Fiqh Antarabangsa ke-3. <http://conference.kuis.edu.my/mfifc/images/e-proceeding/2017/190-196-mfifc-3rd.pdf>
- Muslim, al-Hajjaj Abu al-Hussain, (2014) *Sahih Muslim* (Cetakan Pertama). Qaherah: Dar al-Taaseel.
- al-Nawawi, Mahyuddin, Yahya bin Sarf, (1994). *Syarh an-Nawawi ala Muslim* (Cetakan Kedua). Beirut; Muassasah Qurthabah.
- Nurdeng Deuraseh, (2016). *Lawful & Unlawful Foods in Shariah*. Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Nurdeng Deuraseh, (2016M). *Penentuan Halal-Haram & Fatwa-Fatwa Berkaitan Produk Halal*. Malaysia: Universiti Putra Malaysia.
- Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005
- Persatuan Pengguna Pulau Pinang. (2006). *Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang, Halal Haram*. Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2009). *Halal Dan Haram Menurut Perspektif Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Qaradawi, Yusuf. (2012). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* (Cetakan Pertama). Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Rose Abdullah & Siti Afizah Saruji, (2016). *The Understanding of Restaurant Owners in Brunei Darussalam on Halal Certification*. Brunei Darussalam: Prosiding Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Tayyiban, 2016.

- Sa'adan Man & Nur Hanani Yazid, (2016). *Isu dan Permasalahan Pensijilan Halal Premis Makanan: Kajian Restoran Terpilih di Semenanjung Malaysia* (2016). Brunei Darussalam: Prosiding Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Tayyiban, 2016.
- Saadan Man, Zainal Abidin Yahya. (2014). *Halalkah makanan kita? Bagaimana mencarinya di Pasaran*. Kuala Lumpur: BS Print.
- Sidek T. Muda & Ridzwan Ahmad, (2016). Halal Haram Makanan Menurut Imam Syafi'i: Analisis Dari Perspektif Maqasid Al-Shari'ah. Malaysia: The 1st International Conference on Islam and Contemporary Issues in The Muslim World: Challenges and Way Forward.http://eprints.um.edu.my/17724/1/HALAL_HARAM_MAKANAN_MENURUT_IMAM_SYAFI.pdf
- Siti Radhiah Omar & M. Shahrin Ab. Karim. (2013). *Halalan Thoyyiban Perspektif Malaysia*. Nurdeng Deuraseh dan et. Al (penyunting). Serdang: Institut Penyelidikan Produk Halal: Universiti Putra Malaysia.